



Muhammad Zikril (dua dari kanan) semasa melupuskan kasut jenama tiruan di Kompleks Penyimpanan Bahagian Penguat kuasa KPDNHEP Nilai semalam.

## Kasut jenama tiruan bernilai RM103,600 dilupus

**NILAI** - Sebanyak 10,260 pasang kasut jenama tiruan bernilai RM103,600 dilupuskan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Kajang, Selangor di Kompleks Penyimpanan Bahagian Penguat kuasa KPDNHEP dekat sini semalam.

Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhammad Zikril Azan Abdullah berkata, pelupusan itu merupakan rampasan pada tahun 2017 di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

"Rampasan yang dilakukan dekat sebuah gudang di Taman Putrijaya Batu 9 Cheras itu merupakan antara kejayaan terbesar dan kita percaya dapat melumpuhkan kegiatan penjualan kasut tiruan di kawasan Kajang dan Lembah Klang.

"Ini merupakan pelupusan kali keempat bagi cawangan Kajang pada tahun ini bagi kes selesai dan menerima arahan daripada pihak mahkamah serta pegawai perihal dagangan," katanya pada sidang media di Kompleks Penyimpanan Bahagian Penguat kuasa KPDNHEP Nilai dekat sini semalam.

Muhammad Zikril berkata, dari Januari sehingga September lalu, pihaknya telah melakukan pelupusan sebanyak 40 kes.